


**Bahagian A**

[40 markah]

*Jawab semua soalan.*

1. Gambar 1 dan Gambar 2 menunjukkan warisan candi yang terkenal di Asia Tenggara yang merupakan monumen kemegahan kerajaan tersebut.



Gambar 1



Gambar 2

- (a) Apakah maksud monumen?

.....  
.....  
.....  
..... [ 2 markah ]

- (b) Berikan nama warisan candi di Asia Tenggara.

( i ) .....

( ii ) .....

[ 2 markah ]

- (c) Candi merupakan monumen yang penting kepada masyarakat kerajaan zaman tersebut. Jelaskan.

.....  
.....  
.....  
..... [ 2 markah ]

[Lihat halaman sebelah

- (d) Sejauh manakah pembinaan candi-candi tersebut dapat melambangkan keagungan sesebuah negara?

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

2. Jadual 1 menunjukkan siri peperangan yang pernah berlaku antara orang Quraisy Makkah dengan orang Islam Madinah.

Tahun	Peperangan
624M/2H	Perang Badar
625M/3H	Perang Uhud

Jadual 1

- a) Mengikut ajaran Islam, apakah tujuan peperangan yang dibenarkan ?

( i ) .....

( ii ) .....

[ 2 markah ]

- b ) Islam menggariskan prinsip-prinsip tertentu tentang peperangan. Bincangkan.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

- c ) Jelaskan kesan sekiranya garis panduan peperangan yang ditetapkan dalam Islam dipatuhi?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

3. Gambar 3 dan Gambar 4 menunjukkan pemimpin tempatan yang menentang British di Kelantan dan Terengganu.



Gambar 3 : Tok Janggut



Gambar 4 : Hj Abdul Rahman Limbung

( a ) Nyatakan sebab penentangan tokoh-tokoh berikut.

( i ) .....

( ii ) .....

[ 2 markah ]

( b ) Jelaskan kejayaan pemimpin di 3 (a) semasa menentang British.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

( c ) Wajarkah British mengambil tindakan yang keras terhadap perjuangan pemimpin tempatan di negara kita? Berikan alasan anda

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

4.

Perkara 152 , Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahasa kebangsaan di Malaysia ialah bahasa Melayu. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagaimanapun tidak menafikan kedudukan dan hak bahasa lain untuk digunakan, dipelajari dan dikembangkan sekalipun dengan menggunakan dana awam.

Sumber: [https://ms.wikipedia.org/wiki/Perkara\\_152\\_Perlembagaan\\_Malaysia](https://ms.wikipedia.org/wiki/Perkara_152_Perlembagaan_Malaysia)

( a ) Senaraikan **tiga** usaha kerajaan untuk memajukan Bahasa Melayu

- ( i ) .....  
( ii ) .....

[ 2 markah ]

( b ) Mengapakah kita perlu memartabatkan bahasa kebangsaan?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

( c ) Apakah yang akan berlaku sekiranya bahasa kebangsaan tidak dimartabatkan?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

## Bahagian B

[ 60 markah ]

*Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini*

5. Peta 1 di bawah menunjukkan lokasi Tamadun Mesir Purba.



Peta 1 : Tamadun Mesir Purba

- (a) Jelaskan proses pembentukan Tamadun Mesir Purba. [4 markah]
- (b) Tamadun Mesir Purba telah memberi sumbangan dalam bidang berikut.

- Seni bina
- Pendidikan
- Ilmu Perubatan

Terangkan sumbangan tersebut. [8 markah]

- (c) Bagaimanakah negara kita dapat dijadikan sebagai pusat kecemerlangan ilmu di rantau ini? [8 markah]

6. Ciri-ciri kehidupan masyarakat Arab Jahiliah dapat dilihat dari segi agama, sosial, ekonomi, kepercayaan dan nilai hidup yang dipegang.
- (a) Terangkan tentang ciri-ciri masyarakat Arab Jahiliah tersebut. [6 markah]
- (b) Jelaskan faktor-faktor kemunculan semangat assabiah dalam kehidupan masyarakat Arab Jahiliah. [6 markah]
- (c) Perasaan perkauman mempunyai persamaan dengan semangat assabiah. Berikan kesan negatif daripada amalan tersebut terhadap masyarakat negara kita yang berbilang kaum. [8 markah]
7. Sejak abad ke-12 hingga abad ke-18, aktiviti perdagangan di Alam Melayu telah didominasi oleh pedagang Islam yang juga terdiri daripada orang Melayu. Menjelang abad ke-15, Melaka telah menjadi pusat perdagangan yang penting.
- (a) Jelaskan faktor-faktor yang menyumbang kepada kepesatan Melaka sebagai pusat perdagangan [8 markah]
- (b) Aktiviti perdagangan yang pesat di Melaka turut memperkembangkan bidang percuai. Jelaskan tentang cukai yang dikenakan kepada para pedagang yang berurusan di Melaka. [4 markah]
- (c) Perdagangan memberi sumbangan yang amat besar dalam usaha memajukan ekonomi negara kita. Bincangkan langkah-langkah yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan bidang perdagangan di Malaysia. [8 markah]
8. Pengenalan sistem birokrasi Barat di Thailand berbeza daripada negara lain di Asia Tenggara kerana sistem tersebut diperkenalkan oleh raja-rajanya sendiri.
- Raja Mongkut
  - Raja Chulalongkorn
- (a) Jelaskan sistem birokrasi Barat yang dilaksanakan oleh tokoh-tokoh tersebut. [4 markah]
- (b) Pemodenan dalam pentadbiran yang dilaksanakan oleh pemimpin Thailand telah berjaya mengekal kemerdekaan negaranya. Beri pendapat anda. [8 markah]
- (c) Sejauhmanakah kebijaksanaan pemimpin memainkan peranan penting dalam mempertahankan kedaulatan negara? [8 markah]

9. Sarawak telah dipaksa untuk menerima penjajahan British secara mutlak. Charles Vyner Brooke telah menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British di London sebagai tanah jajahan mahkota.

- (a) Mengapakah penyerahan tersebut berlaku? [4 markah]
- (b) Apakah tindakan penduduk Sarawak dalam membantah penyerahan tersebut? [8markah]
- (c) Sebagai tanda bantahan, terhadap penyerahan Sarawak kepada British, Rosli Dhobi telah menikam Sir Duncan Stewart, iaitu Gabenor Sarawak yang baru dilantik semasa beliau melawat Sibu pada 3 Disember 1949.  
Wajarkah tindakan tersebut? [8markah]

10. Pakatan murni telah terbentuk sejak sebelum pembentukan Parti Perikatan.

- (a) Apakah maksud pakatan murni? [4 markah]
- (b) Jelaskan usaha-usaha yang dilakukan oleh penduduk Tanah Melayu untuk mengadakan pakatan murni. [8 markah]
- (c) Pakatan murni berjaya membawa negara kita mencapai kemerdekaan.  
Buktikan [8 markah]

11. Matlamat dasar luar Malaysia adalah untuk menjadi warga global yang bertanggungjawab dan peka terhadap usaha memupuk kesejahteraan dunia.

- (a) Jelaskan bentuk hubungan luar Malaysia. [4 markah]
- Faktor Sejarah
  - Faktor Ekonomi
- (b) Jelaskan faktor-faktor di atas yang telah menjadi asas kepada penggubalan dasar luar Malaysia. [8 markah]
- (c) Apakah kepentingan dasar luar kepada Malaysia? [8 markah]